



KEMENTERIAN SAINS,  
TEKNOLOGI DAN INOVASI  
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION



**International  
Science Council**  
Regional Focal Point for  
Asia and the Pacific



## SIARAN MEDIA

---

### GLOBAL KNOWLEDGE DIALOGUE – MEMPERKASA SUARA SAINS DI RANTAU ASIA DAN PASIFIK

---

**KUALA LUMPUR, 6 Oktober 2023** – *Global Knowledge Dialogue* (GKD) merupakan sebuah inisiatif oleh Majlis Sains Antarabangsa (ISC), berperanan untuk memperkasa sains di Rantau Asia dan Pasifik ke arah membangunkan laluan tindakan bagi memajukan sains untuk kesejahteraan sejagat di peringkat global.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Yang Berhormat Datuk Arthur Joseph Kurup, yang berucap di Perasmian GKD 2023 berkata, “Hubungan strategik dan kerjasama global dapat membantu mewujudkan penyelesaian sejagat untuk cabaran global dengan menggesa rakan kongsi untuk membuat sumbangan yang berterusan melalui kerjasama antarabangsa. GKD merupakan sebuah platform penting kepada penggubal dasar, saintis dan saintis masyarakat untuk membincangkan integrasi sains dalam membangunkan pelan tindakan yang lebih komprehensif.”

“Kerjasama dan kolaborasi dalam dialog yang terbuka dan inklusif adalah penting dalam memformulasikan misi kita untuk membina masa depan yang lebih lestari. *Global Knowledge Dialogue* untuk Asia dan Pasifik ini memupuk pengetahuan yang komprehensif, memberikan pengiktirafan yang setimpal dengan segala jenis pengetahuan insaniah yang ada dalam diri kita,” kata Presiden Akademi Sains Malaysia, Academician Datuk Dr Tengku Mohd Azzman Shariffadeen.

Sementara itu, Presiden ISC Sir Peter Gluckman berkata, “Ini adalah satu penghormatan untuk kembali ke Malaysia, bersama dengan rakan sejawat dan sahabat daripada komuniti sains di rantau Asia Pasifik. Bagi mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) global menjelang tahun 2030, kita perlu melakukan perubahan segera dan saksama bagi menuju kelestarian dalam setiap bidang, daripada sains dan dasar sehingga perniagaan dan masyarakat. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu terbaharu telah mengisytiharkan dekad sains untuk kelestarian, dan ISC komited sepenuhnya untuk bekerjasama dengan UNESCO dan pertubuhan sains lain bagi memastikan pembangunan yang bermakna.”

ISC telah mengadakan siri pertama GKD di Cape Town, Afrika Selatan pada 7 Disember 2022. Siri kedua pula diadakan semasa Persidangan dan Pameran Teknologi Hijau dan Produk Eko Antarabangsa Malaysia (IGEM) 2023, dengan pra acara pada 5 Oktober 2023. Lebih 140 Ahli daripada 30 negara telah menghadiri dialog tersebut.

Pengarah *International Science Council Regional Focal Point for Asia and the Pacific* yang berpusat di Akademi Sains Australia, Dr Petra Lundgren berkata, “Siri *Global Knowledge Dialogue* akan memulakan era kerjasama saintifik yang baharu di rantau ini dengan menghimpunkan minda terbaik yang akan membina laluan tindakan bagi cabaran yang sukar. Saya teruja untuk bekerjasama dengan pelbagai akademi, persatuan dan institusi saintifik di rantau ini untuk membina suara global sains dalam rantau yang dinamik ini.”

GKD 2023 akan memberi tumpuan kepada bagaimana untuk memajukan peranan sains dalam mencapai Matlamat Pembangunan Mampan di Asia dan Pasifik. Hasil daripada pelbagai sesi ini akan memberi maklumat kepada program-program dan aktiviti *ISC Regional Focal Point for Asia and the Pacific* serta membantu mengenal pasti perkara keutamaan serantau, peluang dan cabaran dengan tumpuan khusus kepada bagaimana untuk membiayai dan mewujudkan sains untuk kelestarian semasa dan di masa akan datang.

Salah satu peluang adalah melalui laporan *Global Commission on Science Missions for Sustainability* oleh ISC yang baharu dilancarkan di *United Nations High Level Political Forum*. Laporan tersebut, [\*Flipping the Science Model: A Roadmap to Science Missions for Sustainability\*](#), berfungsi sebagai sebuah seruan untuk menjemput semua pihak berkepentingan agar bersatu dengan komuniti sains dalam usaha bersama bagi mendorong kekuatan sains secara kolektif untuk menggerakkan tindakan perubahan ke arah dunia yang lebih lestari untuk semua.

ISC melalui suara-suara Ahlinya telah melaksanakan GKD yang bermula dengan komuniti sains Afrika pada tahun 2022 di *World Science Forum* dan akan diteruskan sepanjang tahun 2023 di Asia Pasifik dan Amerika Latin serta Caribbean pada tahun 2024.

**#TAMAT#**

Siaran Media bersama dikeluarkan oleh:  
**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**  
**AKADEMI SAINS MALAYSIA**  
**MAJLIS SAINS ANTARABANGSA**  
**AKADEMI SAINS AUSTRALIA**

**6 Oktober 2023**

Kit media: <https://bit.ly/GKD>

**Pertanyaan media:**

**Najib Mohd Idris**

**najib@akademisains.gov.my**

**(+6019 303 7847)**

**Aletha Johnston**

**aleta.johnston@science.org.au**

**(+61 431 514 677)**